

05/02/1997

Guru fasilitator era teknologi maklumat

PERANAN guru dalam era teknologi maklumat (IT) akan berubah daripada penyampai maklumat kepada pemudah cara atau fasilitator yang akan membimbing murid memilih maklumat yang berguna.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak, berkata era IT menuntut supaya para guru memiliki kemahiran menggunakan komputer yang tinggi supaya pengajaran yang disampaikan kelak tidak sebagaimana yang dipraktikkan sebelum ini.

"Dalam era IT, maklumat boleh diperolehi melalui komputer yang disambungkan ke Internet yang mana ini adalah perubahan besar kepada peranan asas guru dalam sistem pendidikan negara," katanya di Kelantan, minggu lalu.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, negara sedang memasuki era IT yang memerlukan semua golongan rakyat memiliki ilmu dan kemahiran dalam bidang berkenaan.

Sehubungan itu, Najib berkata, Kementerian Pendidikan sedang merombak kurikulum latihan perguruan supaya bersesuaian dengan perkembangan teknologi maklumat.

"IT adalah mata pelajaran yang diwajibkan untuk semua pelatih di Maktab Perguruan termasuk mereka yang mengambil kursus praperkhidmatan iaitu di peringkat diploma," katanya.

Beliau berkata, kementerian juga sedang melengkapkan maktab perguruan dengan peralatan komputer yang mencukupi.

Najib berkata, guru terpaksa mahir dalam bidang komputer apabila konsep sekolah bestari iaitu semua mata pelajaran diajar menggunakan komputer, dilaksanakan sepenuhnya pada 1 Jan, 1999.

Beliau berkata, pada peringkat pertama, sekolah bestari akan diwujudkan di kawasan Projek Koridor Raya Multimedia (MSC) dan beberapa kawasan di Cheras, Klang dan Maktab Perguruan Kuala Kangsar.

Katanya, walaupun pada peringkat awal sekolah bestari tidak diwujudkan di kawasan luar bandar, tetapi sekolah bestari akan dilengkapi dengan asrama bagi membolehkan pelajar luar bandar dihantar ke sekolah berkenaan,

Beliau berkata, sekolah di luar bandar akan dilengkapi dengan komputer dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke Tujuh.

(END)